LAMPIRAN A

MPKj.PKUB.400-5/1/6(7)(S) Jld.2
4 November 2026

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
MENARA MPKj
JALAN CEMPAKA PUTIH
OFF JALAN SEMENYIH
43000 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK),** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/syarikat juga diwajibkan memiliki Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate-TCC) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) yang berstatus 'PATUH' dan masih dalam tempoh sah laku, serta perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/ perkhidmatan/bekalan berikut:

No. Tender	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj T9/2026	Membekal Racun Kawalan Nyamuk Aedes & Serangga Perosak Bagi Majlis Perbandaran Kajang Tahun 2026	KKM	070102	RM150.00	5 November 2026 Hingga 26 November 2026
MPKj T10/2026	Perkhidmatan Bagi Menjalankan Aktiviti Pencegahan & Kawalan Demam Denggi Menggunakan Kaedah Sistem Pengkabusan Automatik Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) Bagi Tahun 2026-2027				

DOKUMEN MEJA TAWARAN

Petender boleh merujuk Dokumen Meja Tawaran di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di https://www.mpkj.gov.my/index.php/ms/.

Petender terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara dalam talian di laman sesawang https://tender.selangor.my dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran. Petender adalah diwajibkan membuat pendaftaran sebagai kontraktor/syarikat di dalam sistem e-QTender secara dalam talian melalui pautan ini https://eqtender.mpkj.gov.my/Account/Register#registration

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Dimaklumkan laman sesawang **Sistem Tender Online Selangor akan ditamatkan** perkhidmatannya pada **6 November 2026** dan akan dinaik taraf kepada **Sistem Perolehan Selangor** yang dijangka akan mula beroperasi pada **16 November 2026**. Sehubungan dengan itu, para pembekal dan syarikat perlu merujuk laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) melalui **www.mpkj.gov.my** untuk sebarang maklumat berkaitan **Sebut Harga dan Tender oleh MPKj**.

Pembelian Dokumen Tawaran ini adalah secara fizikal di Kaunter Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan, Tingkat 4, Menara Majlis Perbandaran Kajang (MPKj). Bayaran bagi Dokumen Tawaran boleh dibuat secara tunai atau dalam bentuk Wang Pos/ Wang Kiriman Pos/ Bank Deraf yang dibuat atas nama Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kajang (tidak akan dikembalikan). Sila bawa bersama sijil asal dan salinan sijil semasa membuat pembelian dokumen tawaran.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **5 NOVEMBER 2026 HINGGA 26 NOVEMBER 2026**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 26 NOVEMBER 2026 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat berikut:

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
(Peti Sebut Harga/ Tender)
Tingkat 4
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/ puan digalakkan menghantar Dokumen Tawaran seawal lima (5) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.